

04 DEC 1998

Zainal-Senator (Fokus Berita)

ZAINAL RAMPAK AKHIRNYA KE PARLIMEN

Oleh: D. Sundara Raja

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, yang gagal dalam banyak percubaan untuk memasuki Parlimen menggunakan laluan politik akhirnya berjaya mencapai cita-citanya itu melalui pergerakan kesatuan sekerja yang telah menggilapkan namanya.

Apabila beliau mengangkat sumpah sebagai senator atau anggota Dewan Negara, ia menandakan tercapainya satu usaha yang lama dan penuh keazaman oleh tokoh kesatuan sekerja terkemuka ini.

Dihubungi di ibu pejabat MTUC hari ini, Zainal yang berusia 58 tahun berkata pelantikan beliau itu adalah satu penghormatan besar kepada pergerakan kesatuan sekerja.

Mengenai sama ada pelantikannya itu berasaskan politik, Zainal berkata beliau telah bertanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu tetapi diberitahu bahawa ia bukan.

"Saya semata-mata mewakili kesatuan sekerja," katanya.

"Akhirnya kerajaan mengiktiraf pergerakan kesatuan sekerja dan pelantikan itu juga selaras dengan pengiktirafan kerajaan terhadap kumpulan minoriti seperti Orang Asli dan Wartawan," katanya.

Zainal berkata pelantikan beliau memberi peluang kepada kesatuan sekerja untuk membangkitkan kepentingan pergerakan buruh dalam Parlimen.

"Saya akan menyatakan pendapat saya tanpa takut dan akan terus melahirkan pendapat yang membina dan bebas sama ada di luar atau di dalam Parlimen," katanya.

Zainal ialah presiden MTUC yang kedua yang dilantik sebagai senator. Yang pertama ialah S.P.S. Nathan yang dilantik ke Dewan Negara pada tahun 1963.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata bahawa pelantikan Zainal itu dibuat sebagai menghargai usahanya bertahun-tahun mengekalkan keharmonian industri di negara ini.

"Hari ini, walaupun keadaan ekonomi lembab, para pekerja kita tidak memilih untuk mengambil tindakan industri. Zainal memberi sumbangan yang banyak terhadap perkara ini," kata Lim.

Zainal, yang berkecimpung dalam pergerakan kesatuan sekerja kira-kira 40 tahun, mengambil alih jawatan utama kesatuan sekerja itu pada tahun 1985 menggantikan mendiang Dr P.P. Narayanan.

Anak seorang nelayan di Tanjung Keling, Melaka, beliau mula bergiat dalam kerja-kerja kesatuan sekerja pada usia muda 17 tahun, mendapat gaji sebanyak RM30 sebulan dalam tahun-tahun awal 1950'an.

Pangkalan Zainal sejak dulu ialah Kesatuan Sekerja Pengangkutan yang mana beliau adalah timbalan kepada setiausaha agungnya V. David, gurunya. Pasangan yang tidak boleh dipisahkan itu adalah nombor satu dan nombor dua dalam kesatuan itu selama 33 tahun.

Dengan Zainal sebagai presiden MTUC, David menjadi setiausaha agung kongres itu. Tetapi Zainal memainkan peranan sebagai leftenen setia hanya sehingga 1988 apabila beliau muncul daripada bayang-bayang David dengan menyokong G. Rajasekaran melawan David untuk jawatan setiausaha agung MTUC, menyebabkan kekalahan David.

Bagaimanapun, percubaan Zainal untuk mengikut jejak kejayaan David dalam politik sebagai anggota Parlimen untuk beberapa penggal gagal. Beliau menyertai beberapa parti pembangkang termasuk Gerakan (parti pembangkang waktu itu tetapi berada dalam parti pemerintah, Barisan Nasional), Pekemas,

DAP dan Semangat 46.

Beliau bertanding dalam empat pilihan raya Parlimen sejak tahun 1974 tetapi semuanya gagal.

Pada tahun 1993 beliau diminta oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja supaya memilih antara menjadi anggota majlis tertinggi Semangat 46 atau meletakkan jawatannya sebagai timbalan setiausaha TWU dan seterusnya sebagai presiden MTUC. Beliau memilih untuk meninggalkan jawatan politik itu.

Zainal, yang sejak dulu memihak kepada parti-parti pembangkang, membuat kejutan apabila menyertai Umno pada bulan September tahun lepas.

Pada peringkat antarabangsa, pakar kesatuan sekerja veteran itu menjadi anggota Badan Pentadbiran Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), penyelaras badan itu bagi Pertubuhan Serantau Asia Pasifik (APRO) dan anggota lembaga eksekutif Persekutuan Pengangkutan Antarabangsa (ITF) bagi Asia-Pasifik.

-- BERNAMA

DSR AU WAT